


**BERITA ONLINE
BERITA HARIAN
TARIKH : 09 DISEMBER 2021 (ISNIN)**



Motosikal elektrik Eclimo ES-11 boleh ditunggang lebih jauh

Oleh [Mohd Zaky Zainuddin](#) - Disember 9, 2021 @ 4:32pm

zaky@bh.com.my



KUALA LUMPUR: NanoMalaysia Bhd (NMB) dan Eclimo Sdn Bhd melancarkan motosikal elektrik dengan Sistem Pemantau Bateri Berstruktur Nano (BMS) dikenali Eclimo ES-11 yang ditawarkan pada harga RM14,000.

Ketika ini motosikal elektrik itu ditawarkan menerusi model perniagaan pajakan dan berasaskan langganan di sekitar Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor.

ES-11 memiliki sistem pengecasan soket palam 3-pin yang mampu menyelesaikan masalah yang sering dihadapi kenderaan elektrik (EV) susulan kekurangan infrastruktur dan stesen pengecas.

Memiliki sel bateri litium-Ion berasaskan nano, ia mempunyai kitaran hayat sebanyak 1,000 cas dan setiap pengecasan penuh mampu menggerakkan ES-11 sehingga 100 kilometer (km).

Bagi model baharu itu, ia didatangkan dengan BMS di mana sistem berkenaan boleh memantau hayat bateri, menghantar amaran apabila voltan menurun dan dilengkapi dengan sistem pengesanan geografi yang boleh dikawal menerusi aplikasi mudah alih.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata pelancaran ES-11 mencerminkan komitmen kementerian itu untuk memenuhi aspirasi negara neutral karbon menjelang 2050, negara berteknologi tinggi dan berpendapatan tinggi sejajar dengan Pelan Tindakan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030.

"MOSTI juga mempergiatkan usaha dalam mengambil bahagian dalam industri EV yang berbilion dolar di mana terdapat peluang yang luas untuk membantu ekonomi pulih selepas wabak.

"Pembentangan Bajet 2022 adalah penting dalam kemajuan industri EV dan tepat pada masanya untuk pelancaran kami hari ini. Kerajaan komited dalam menyokong industri EV dengan cadangan supaya EV dikecualikan sepenuhnya daripada duti import, duti eksais dan cukai jualan," katanya ketika melancarkan Eclimo ES-11 hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi NMB, Tan Sri Dr Mohd Nor Azman Hassan; Ketua Pegawai Eksekutif NMB, Dr Rezal Khairi Ahmad; Pengerusi Eclimo, Tan Sri Dr Halim Mohammad; dan Pengasas serta Pengarah Eksekutif Eclimo, Datuk Dennis Chuah.

Saiz pasaran EV global bernilai AS\$246.7 bilion (RM1.04 trilion) tahun lalu dan ia dijangka meningkat sehingga AS\$1.32 trilion (RM5.6 trilion) menjelang 2028.

Sementara itu, saiz pasaran kenderaan elektrik berkelajuan rendah Asia Pasifik diramalkan mencecah 71.8 juta unit menjelang 2025.

Sementara itu, Dr Rezal berkata, aplikasi teknologi nano dalam sektor pengangkutan telah menjadi kenyataan dengan pembangunan ES-11 sebagai kes penggunaan dan yang pertama di Malaysia.

Katanya, pasaran dua roda mempunyai potensi yang sangat besar kerana ia menawarkan keterangkuman mobiliti elektrik yang lebih besar dalam kalangan demografi rakyat.

"Adalah penting untuk kami membangunkan kes penggunaan dengan jayanya di Malaysia sebagai platform untuk pengembangan serantau dan global.

"Ini akan membolehkan kami mempamerkan faedah yang hadir dengan menggunakan teknologi nano. Dalam kes ini, Internet Kebendaan Nano dan Bateri

Berstruktur Nano akan membangunkan industri pengangkutan elektrik dan mobiliti yang mana memberi kita peluang untuk berkembang pada masa hadapan.

"Adalah menarik untuk diperhatikan bahawa sistem penyimpanan tenaga ini boleh dipindahkan ke mod kenderaan lain, sekali gus menawarkan sisi baharu potensi penggunaan komersial," katanya.

Eclimo ES-11 dihasilkan secara bersama oleh NMB dan Eclimo dengan NMB memiliki hak harta intelek (IPR) BMS.

Pada masa ini, NMB sedang membantu Eclimo dalam meningkatkan penggunaan motosikal elektrik.

Chuah berkata, syarikat itu sedang mengadakan rundingan dengan penyedia perkhidmatan e-hailing selain merancang berkembang dalam ruang mobiliti bandar yang membolehkan motosikal elektrik disewa untuk kegunaan sebagai alat pengangkutan di sekitar bandar.

"Sehingga kini, ES-11 telah menjana nilai jualan lebih RM18 juta. Di samping itu, setiap unit kenderaan dua roda elektrik ini mencipta purata tiga pekerjaan baharu.

"Syarikat kami juga sudah meneroka pasaran Thailand dan kami memanfaatkannya untuk mengembangkan pasaran ES-11 di peringkat serantau," katanya.

Ketika ini, KFC Holdings Malaysia Bhd dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjadi pelanggan pajakan bagi motosikal Eclimo.